

Perkembangan Penerjemahan al-Quran di Malaysia pada Abad ke 21

Haziyah binti Hussin (PhD)
Pensyarah Kanan, Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: haziyah@ukm.edu.my; no. Tel: 0123200304

Muhammad Hadi Moin bin Abdul Latiff
Calon Sarjana Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah)
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: hadimoin19@gmail.com

ABSTRAK

Mutakhir ini jumlah penerbitan terjemahan al-Quran di Malaysia menunjukkan peningkatan yang agak ketara malah pelbagai judul terjemahan dengan nama-nama yang menarik yang ditemui. Selain makna ayat, terjemahan ini juga turut memuatkan elemen tambahan seperti hukum tajwid, waqf dan ibtida' yang ditanda dengan warna-warna berbeza, sisipan riwayat sabab nuzul, hadis, pengajaran dan mutiara hikmah serta tema-tema perbincangan ayat-ayat al-Quran. Penampilan dan persembahan terjemahan al-Quran juga berbeza dari segi saiz dan warna. Fenomena ini menunjukkan suburnya kegiatan penerbitan terjemahan al-Quran di negara ini. Meskipun begitu kepelbagaian terjemahan di pasaran juga berkemungkinan boleh mengelirukan masyarakat dalam mendapatkan sebuah karya terjemahan yang baik bagi membantu mereka memahami al-Quran. Kertas kerja ini bertujuan untuk meneroka perkembangan penerbitan terjemahan al-Quran di Malaysia yang terkini dan mengenalpasti pola terjemahan yang berlaku di samping mengkaji isu-isu yang berkaitan dengan metode terjemahan. Oleh itu, kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan jenis analisis kandungan. Data dikumpulkan menerusi sorotan literatur tentang penterjemahan al-Quran, karya-karya terjemahan al-Quran dan Ulum al-Quran serta Garis Panduan Penapisan Bahan Berunsur Islam. Data ini seterusnya dianalisis secara deskriptif bertema. Kajian ini mendapati sebahagian besar terjemahan al-Quran yang dihasilkan adalah menggunakan bahasa Melayu dan sebilangan kecil sahaja dalam bahasa-bahasa lain. Pelbagai kaedah penterjemahan digunakan, antaranya penterjemahan tafsiriyyah, kaedah campuran antara penterjemahan tafsiriyyah dan harfiyyah, penterjemahan per kata serta kaedah komunikatif. Penerbit pula perlu mendapatkan perakuan pihak berkuasa sebelum sesebuah terjemahan al-Quran boleh dicetak dan dipasarkan. Bagi meminimalkan risiko ketidak tepatan makna dan terjemahan, penterjemah al-Quran dan penerbit perlu mengambil perhatian dan mematuhi prosedur kerja yang khusus dalam penterjemahan al-Quran. Hasil kajian ini wajar diketengahkan agar terjemahan al-Quran mengandungi makna yang sahih dan diterbitkan atas tanggungjawab yang murni; bukan semata-mata faktor bisnes dan keuntungan. Ia juga dapat menyedarkan masyarakat akan pentingnya sikap prihatin dan cakna terhadap keperluan sebenar mereka kepada karya terjemahan makna al-Quran yang autentik.

Kata kunci: terjemahan al-Quran, penterjemahan *tafsiriyyah*, Teks al-Quran, Malaysia, leksikal

1. PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab meskipun begitu tidak semua orang Arab termasuklah generasi awal dapat memahami maknanya. Pemahaman mereka terhadap makna al-Quran berlaku melalui pentafsiran al-Quran oleh Rasulullah SAW, kemudian diteruskan oleh para sahabat dan

tabiin RA serta ulama. Keperluan kepada tafsir al-Quran semakin meningkat berikutan perluasan wilayah Islam dan penyebaran dakwah ke luar Semenanjung Arab. Sehubungan dengan itu, pelbagai kitab tafsir dihasilkan bahkan dalam *volume* yang besar dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Kitab-kitab ini kemudiannya dijadikan sebagai sumber rujukan atau teks oleh pendakwah dalam menyampaikan ajaran al-Quran kepada masyarakat serta penulisan tafsir dalam bahasa-bahasa lain. Satu lagi bentuk karya yang membantu pemahaman al-Quran ialah terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa selain bahasa Arab. Ia menjadi suatu keperluan dan sangat signifikan dalam konteks dakwah bahkan membawa masalah kerana dapat membantu orang yang tidak memahami bahasa Arab untuk menghayati makna dan kandungan al-Quran melalui terjemahan ini. Dalam mencapai maqasid ini, Muhammad Nur Lubis (1999) mengkategorikan aktiviti penterjemahan al-Quran sebagai fardu kifayah.

Secara asasnya, terdapat dua kaedah penterjemahan, pertama: penterjemahan *tafsiriyyah* iaitu menghuraikan makna ayat al-Quran ke bahasa lain dengan mengambilkira struktur dan susunan ayat bahasa Arab (bahasa sumber). Kedua, penterjemahan *harfiyyah* iaitu menterjemahkan makna ayat al-Quran kata demi kata ke bahasa lain dengan mengikut struktur ayat bahasa Arab (bahasa sumber) sepenuhnya. Kaedah penterjemahan yang diharuskan bagi al-Quran ialah penterjemahan *tafsiriyyah*. Al-Dhahabi (1995) yakin dan percaya bahawa penterjemahan *tafsiriyyah* turut termasuk di bawah kesepakatan ulama terhadap tafsir kerana ia hampir sama dengan tafsir yang menjelaskan dan menghuraikan makna al-Quran dari segi lafaz-lafaz, dalil-dalil, persoalan-persoalan dan perkara yang berkaitan dengan kefahaman terhadap al-Quran. Malah Manna' al-Qattan (1998) menegaskan bahawa terjemahan *tafsiriyyah* tidak dilarang kerana penterjemah melakukan penterjemahan dengan cara mendatangkan makna yang dekat, mudah dan kuat serta memberikan komen atau penjelasan maknanya dengan bahasa lain. Penjelasan berdasarkan pemahaman peribadi penterjemah yang diberikan itu pula adalah terhad. Oleh yang demikian ia dinamakan penterjemahan tafsir al-Quran atau *tarjamah tafsiriyyah*. Terjemahan seperti ini diperlukan oleh bangsa-bangsa yang tidak menguasai bahasa Arab untuk membantu mereka memahami al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan seharian.

Kertas kerja ini bertujuan menelusuri kegiatan penterjemahan al-Quran di Malaysia dengan menganalisis pola penerbitan, proses mendapat kelulusan pihak berkuasa serta isu dan cabaran yang dihadapi khususnya berkaitan dengan kaedah penterjemahan. Kajian ini ialah kajian kualitatif yang menggunakan rekabentuk analisis kandungan. Data dikumpulkan menerusi analisis dokumen iaitu *Garis Panduan Penapisan Bahan Berunsur Islam*, beberapa terjemahan al-Quran serta sorotan literatur tentang penterjemahan al-Quran dan Ulum al-Quran. Data yang diperoleh ini seterusnya dianalisis secara deskriptif bertema bagi mendapatkan jawapan tentang perkembangan semasa penterjemahan al-Quran di Malaysia.

2. SEJARAH AWAL PENTERJEMAHAN AL-QURAN DI MALAYSIA

Menurut Aboebakar (1973), al-Quran diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa selain bahasa Arab berlaku sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi atas tujuan untuk berdakwah. Buktinya diambil daripada kisah baginda mengutus surat kepada Raja dan pemimpin-pemimpin asing melalui beberapa orang utusan. Antaranya ialah Dihyah bin Hudhayfah bin Khalifah al-Kalbi diutuskan kepada Hiraklius, Abd Allah bin Hudhayfah al-Sahmi diutuskan kepada Kisra, 'Amru bin Umayyah diutuskan kepada Raja Najashi dan Hatib bin Abi Balta'ah diutuskan kepada Maquqas

(Muhammad Nur Lubis 1999). Di dalam surat itu, terkandung seruan baginda agar memeluk agama Islam serta menyatakan ganjaran kepada sesiapa sekiranya memeluk Islam dan akibat bagi sesiapa yang berpaling dari-Nya (Aboebakar 1973). Fatani (2006) sebagaimana dinukilkan oleh Iman Najim and Zulkifli (2012) pula berpendapat bahawa al-Quran diterjemahkan kali pertama pada abad ketujuh oleh Salman al-Farisi ke Bahasa Parsi. Kemudian al-Quran diterjemahkan ke Bahasa Turki pada tahun 956.

Terjemahan al-Quran pertama ke Bahasa Eropah iaitu Latin dilakukan oleh Orientalis pada tahun 1143 berjudul *Lex Mahumet Pseudroprophete*. Karya ini menjadi sumber dan faktor kemunculan berbelas-belas terjemahan lain dalam bahasa Perancis, Itali, Belanda, Jerman, Inggeris dan Rusia dari abad ke 13 sehingga abad 20. Sebahagian besar terjemahan tersebut bersumberkan terjemahan Latin, bukannya al-Quran dalam Bahasa Arab. Penterjemahan al-Quran oleh sarjana Muslim dapat dikesan pada awal abad 20 seperti *The Holy Quran Translated with Short Notes* oleh Muhammad Abdul Hakim Khan pada tahun 1905, *An English Version of the Holy Quran in Verse* oleh M. A Rahman pada tahun 1926 dan *The Holy Quran, Text, Translation and Commentary* pada tahun 1934 oleh Abdullah Yusuf Ali (Mohd Shukri 2003). Ringkasnya, penterjemahan al-Quran ke pelbagai bahasa yang dituturkan oleh Muslim di seluruh dunia sama ada Eropah, Asia, Afrika atau Bahasa Esperanto. Semakin meluas sejajar dengan perkembangan dakwah Islam.

Dalam konteks pertumbuhan penterjemahan al-Quran di Malaysia, penghargaan harus diberikan kepada ulama Aceh, Syeikh al-Rauf al-Singkeli (m. 1693). Karyanya, *Turjuman al-Mustafid* menjadi indikator pencapaian bagi usaha awal ini apabila murid beliau, Syeikh Abdul Malik yang dikenali sebagai Tok Pulau Manis (m.1736) menyalin dan mengajarkan kitab tersebut di Malaysia pada abad 18M. Tahun 1929 kemunculan *Tafsir Nur al-Ihsan* oleh Muhammad Sa'id bin Umar (m.1932) menjadi titik perubahan bagi sejarah tafsir di negara ini kerana usaha beliau ini dijejaki oleh beberapa ulama lain yang menterjemah kitab-kitab tafsir bahasa Arab ke bahasa Melayu atau menulis tafsir dalam bahasa Melayu (Haziyah 2016). Meskipun Ismail (1995) berpendapat bahawa *Tafsir Nur al-Ihsan* ini merupakan terjemahan secara *tafsiriyyah*, tetapi jelasnya pengarang menggunakan kaedah penterjemahan *harfiyyah* bagi menterjemahkan ayat al-Quran sebagaimana yang diistilahkan oleh Bahrum dan Haziyah (2014) sebagai penterjemahan terikat atau katawi. Beliau kemudiannya menambah huraian makna ayat tersebut dengan tafsiran bersumberkan riwayat, kitab-kitab tafsir lain dan ijthad yang mencorakkan karya ini sebagai tafsir *tahlili*.

Tokoh lain yang dikaitkan dengan penterjemahan al-Quran di Malaysia ialah Muhammad Ma'adah bin Layang (m.1943), ulama Negeri Sembilan. Beliau menggunakan kaedah penterjemahan *harfiyyah* dalam pengajian tafsir al-Quran dan mengajar kaedah ini bagi memudahkan penuntut-penuntut di madrasahnyanya menguasai ilmu al-Quran dengan cepat. Kitab yang digunakan oleh beliau tidak ditemui untuk dijadikan bukti tetapi salah seorang muridnya Hashim Abdul Ghani telah menghasilkan terjemahan *harfiyyah* yang lengkap 30 juzuk al-Quran, berjudul *Induk Kamus Pelajaran Menterjemah al-Quran* pada tahun 1975 (Mohd Shukri & Zahri 2002; Shukri 2003; Mohd Nizho & Mohd Shukri 2009). Selain itu, Abdullah bin Abbas Nasution menulis terjemahan al-Quran secara *harfiyyah* yang berjudul *Quran Bergantung Makna Jawi Bagi Bacaan Anak-anak Sehari-hari* bagi membantu masyarakat Melayu pada zamannya memahami makna al-Quran. Kitab ini mula dikarang pada tahun 1940 dan siap pada tahun 1948 serta dicetak buat kali pertama pada tahun 1956 (Shukri & Zahri 2002; Shukri 2003; Mohd Nizho & Shukri 2009).

Anjakan pola penterjemahan al-Quran di Malaysia dapat disaksikan dengan lahirnya *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Quran* pada tahun 1972 yang menggunakan kaedah penterjemahan *tafsiriyyah*. Usaha penterjemahan al-Quran ini dibuat secara rasmi oleh Kerajaan Malaysia berdasarkan keputusan Persidangan Majlis Raja-raja pada 13 Jun 1963 dan perlaksanaannya di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri. Tanggungjawab ini diserahkan kepada Syeikh Abdullah Basmeih pada awal tahun 1968. Penterjemahan dan penerbitannya dilakukan secara tiga peringkat dalam tempoh lima tahun, iaitu sepuluh juzuk setiap peringkat dan diterbitkan masing-masing pada tahun 1968, 1970 dan 1972. Terjemahan ini disemak oleh Mufti Negeri Kelantan, Dato' Haji Muhammad Nor bin Haji Ibrahim. Karya asal ditulis dan dicetak dalam tulisan jawi manakala versi rumi dihasilkan pada tahun 1980. *Tafsir Pimpinan al-Rahman* kemudiannya disemak oleh BAHEIS pada tahun 1988 dengan penukaran *rasm Baghdadi* kepada *rasm Uthmani*. Urusan penerbitan terjemahan ini diserahkan kepada Darul Fikir pada tahun 1996 (Wan Ramizah 2019). Karya ini masih digunakan secara meluas dalam masyarakat bahkan dijadikan rujukan rasmi di sekolah dan dalam penulisan akademik di universiti-universiti malah penerbit-penerbit menjadikan *Tafsir Pimpinan al-Rahman* sebagai salah satu sumber penterjemahan al-Quran.

3. PERKEMBANGAN MUTAKHIR PENTERJEMAHAN AL-QURAN

Penerbitan terjemahan al-Quran semakin menggalakkan oleh syarikat-syarikat penerbitan di Malaysia. Contohnya, Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd. telah menerbitkan enam buah terjemahan al-Quran, antaranya ialah *al-Quran al-Karim dan Terjemahan Ar-Rayyan dengan Panduan Waqaf dan Ibtida'*, *al-Quran al-Karim dengan Terjemahan al-Fauzan* dan *al-Quran al-Karim al-Ghufran Terjemahan dengan Panduan Waqaf Ibtida'* (Telaga Biru 2020). Syarikat Karya Bestari Sdn. Bhd. (2020) di bawah Karangkraf pula telah menerbitkan 17 buah terjemahan dengan pelbagai judul dan variasi seperti *al-Quran al-Andalus Perkata dan Terjemahan*, *al-Quran Amazing: Waqaf Ibtida', Perkata dan Tafsir Lengkap*, dan *al-Quran al-Haramain: Terjemahan dan Tafsir*. Syarikat Al-Hidayah House of Quran (2020) telah menerbitkan 16 buah terjemahan al-Quran, antaranya *Mushaf Tajwid Terjemahan*, *Al-Rahmah Terjemahan al-Hidayah* dan *al-Humaira Terjemahan al-Quran*. Kerancangan penerbitan terjemahan ini menimbulkan pro dan kontranya. Dari satu sudut, peningkatan tersebut memberi petunjuk yang sangat baik terhadap penerimaan masyarakat dan minat mereka memahami al-Quran. Ia juga menunjukkan pasaran karya terjemahan al-Quran masih kukuh justeru tidak begitu terkesan dengan revolusi buku-buku digital. Walau bagaimanapun dari aspek yang lain, ia menuntut pihak berkuasa menyemak dan mengemaskini prosedur kerja yang berkaitan kawalan dan kelulusan penerbitan terjemahan al-Quran agar terbitan yang sampai kepada masyarakat adalah terjemahan yang sahih dan boleh dipercayai. Beberapa bentuk terjemahan al-Quran yang dihasilkan ialah terjemahan bercetak (buku), terjemahan digital dan audio terjemahan. Kajian ini hanya menfokuskan kepada terjemahan al-Quran berbentuk buku. Data dikumpulkan berdasarkan permohonan penerbit kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi mendapatkan perakuan dan kelulusan penerbitan bermula tahun 2013 sehingga 2019.

3.1 Statistik Terjemahan

Permohonan semakan terjemahan al-Quran yang telah diterima JAKIM bagi mendapat tapisan dan perakuan terhadap manuskrip terjemahan dalam bentuk bercetak sahaja dari tahun 2013 hingga

2019 adalah sebanyak 62 permohonan. Jumlah ini merangkumi beberapa jenis permohonan penerbit sama ada menghantar manuskrip, menarik balik, tidak menghantar manuskrip atau manuskrip yang belum selesai semakan dan masih dalam tindakan.

Jadual 1: Senarai Permohonan Semakan Teks, Terjemahan dan Tafsir al-Quran kepada JAKIM Tahun 2013-2019

Bil	Tahun Diterima	Tajuk Terjemahan	Bahasa	Nama Penerbit/ Syarikat
1	2013	Al-Quran al-Karim Qordoba (khas untuk wanita)	Melayu	Karya Bistari Sdn Bhd
2	2013	Surah al-Rahman dan al-Waqiah Fauzan	Melayu	Dar al-Wahi Publication Muhammad Farooq -i- Azam Malik
3	2013	English Translation of The Meaning of al-Quran (Saiz 13.5 cm x 18.5 cm versi Melayu)	Inggeris	Pustaka Darul Iman
4	2013	English Translation of The Meaning of al-Quran (Saiz 13.5 cm x 18.5 cm versi English)	Inggeris	Dar al-Wahi Publication Muhammad Farooq -i- Azam Malik Pustaka Darul Iman
5	2013	Al-Quran al-Muiz Terjemahan (B. Melayu)	Melayu	MKR Senergy Pt Khazanah Mimbar Plus
6	2013	Al-Quran al-Muiz Terjemahan (B. Inggeris)	Inggeris	MKR Senergy Pt Khazanah Mimbar Plus
7	2013	Al-Quran dan Terjemahan Indeks berserta Asbab Nuzul & Tafsir	Melayu	Pustaka al-Shafa
8	2013	Al-Quran dan Terjemahan (Mushaf Haramie)	Melayu	Pustaka al-Shafa
9	2013	Al-Quran al-Karim dengan Terjemahan al-Fauzan	Melayu	Telaga Biru Sdn. Bhd
10	2014	Al-Quran Terjemahan Komponen Kata (Saiz: 18cm x 23cm)	Melayu	Amantusia Enterprise
11	2014	Al-Quran dan Terjemahan (Saiz 15cm x 21cm)	Melayu	Knowledge Inbound Sdn. Bhd
12	2014	Al-Quran Terjemahan (Saiz 13cm x 18cm)	Melayu	Wadi Cairo Star Sdn. Bhd
13	2014	Al-Quran Terjemahan (Saiz 19cm x 27.5cm)	Melayu	Wadi Cairo Star Sdn. Bhd
14	2014	Mushaf Tajweed berserta Terjemahan ke dalam Bahasa Malaysia (Saiz 10cm x 14cm)	Melayu	Darul Fikr
15	2014	Al-Quran dan Terjemahan Edisi Melayu (Saiz 10.5cm x 14.5cm)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
16	2014	Al-Quran dan Terjemahan Edisi Melayu (Saiz 15cm x 21cm)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
17	2014	Al-Quran dan Terjemahan (Saiz 15cm x 21cm)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
18	2014	Al-Quran Tafsir Perkata Tajwid (Saiz 21cm x 30cm)	Melayu	Maghfirah Pustaka (M) Sdn. Bhd
19	2014	Al-Quran Tafsir Perkata Tajwid (Saiz 15cm x 21cm)	Melayu	Maghfirah Pustaka (M) Sdn. Bhd
20	2014	Al-Quran Terjemahan Perkata Tajwid (Saiz 21cm x 30cm)	Melayu	Darul Andalus


21	2014	Al-Quran dan Terjemahan al-Muiz (Saiz 15.5cm x 24cm)	Melayu	MKR Synergy Sdn. Bhd
22	2014	Al-Quran dan Terjemahannya (Saiz 15.2cm x 21.8cm)	Melayu	Jaafar Abdullah Bajrai
23	2014	Al-Quran Terjemahan al-Fauzan (Saiz 13.5cm x 19.2cm)	Melayu	Telaga Biru Sdn. Bhd
24	2014	Miracle The Reference - Al-Quran Terjemahan Perkata (Saiz A4)	Inggeris	Sarjana Media Sdn. Bhd
25	2014	Al-Quran Terjemahan Tafsir Perkata (Saiz A4)	Melayu	Sarjana Media Sdn. Bhd
26	2014	Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (Saiz A4)	Melayu	Sarjana Media Sdn. Bhd
27	2014	Al-Quran al-Karim (Terjemahan al-Rayyan)	Melayu	Telaga Biru Sdn. Bhd
28	2014	Al-Quran dan Terjemahan (Edisi Wanita)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
29	2014	Al-Quran Hafalan Bertajwid (Saiz 15.5cm x 14cm)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
30	2014	Al-Quran Hafalan Bertajwid (Saiz 10.5cm x 13.5cm)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
31	2014	Al-Quran Tajwid dan Terjemahan (Saiz 14.8cm x 21cm)	Melayu	Humaira Bookstore Ent
32	2014	Kehidupan di Bawah Bayangan al-Quran (Saiz: 15.25cm x 23cm) Juz 28	Melayu	Pustaka Salam
33	2014	Kehidupan di Bawah Bayangan al-Quran (Saiz: 15.25cm x 23cm) Juz 29	Melayu	Pustaka Salam
34	2015	Al-Quran al-Karim (al-Fatih Perkata): 30 Juz (Saiz: 21cm x 30cm)	Melayu	Pustaka al-Fatih
35	2015	Al-Quran Tafsir Perkata Tajweed: 30 Juz (Saiz 21cm x 30cm)	Melayu	Darul Andalus PTE LTD
36	2015	Al-Quran al-Karim (al-Majid Terjemahan) (Saiz 14.5cm x 21cm): 30 Juz	Melayu	Al-Hidayah House of Quran
37	2015	Al-Quran al-Karim (al-Hadi Terjemahan): 30 Juz	Melayu	Al-Hidayah House of Quran
38	2016	Terjemahan al-Quran al-Karim (al-Hadi Perkata)	Melayu	Maktabah al-Fateh Rasyid Media
39	2016	Al-Quran Perkata	Melayu	Darul Andalus PTE LTD
40	2016	Al-Quran al-Karim Amazing	Inggeris	Karya Bestari Sdn Bhd
41	2016	Al-Quran al-Karim Terjemahan Perayat	Melayu	Karya Bestari Sdn Bhd
42	2016	Al-Quran al-Karim Terjemahan Perkata	Melayu	Karya Bestari Sdn Bhd
43	2016	Al-Quran al-Karim al-Mubarak & Terjemahan al-Ghufran	Melayu	Telaga Biru Sdn Bhd
44	2016	Teks Terjemahan al-Quran Edisi al-Mizan	Melayu	Shappers Islamic Sdn Bhd
45	2016	Terjemahan al-Quran	Melayu	Yamani Angle Sdn Bhd
46	2016	Terjemahan al-Quran Perkata	Melayu	Darul Andalus PTE LTD
47	2016	The Quran English Meaning and Notes	Inggeris	Shaheeh International
48	2016	Semakan semula Pengertian al-Quran al-Mizan	Melayu	Shappers Islamic Sdn Bhd
49	2017	Al-Quran al-Karim (Terjemahan Jawi dan Perkata)	Melayu	Rimbunan Islamik Media Sdn Bhd
50	2017	Al-Quran Tajwid dan Terjemahan	Melayu	Humaira Publication Sdn Bhd
51	2018	Al-Quran Terjemahan al-Kamil	Melayu	Telaga Biru Sdn Bhd

52	2018	Karya Pengertian al-Quran Edisi al-Mizan	Melayu	Shapers Islamic Media Sdn Bhd
53	2018	Teks Terjemahan	Melayu	Kumpulan Yayasan Restu
54	2018	The Quran English Meanings and Notes	Inggeris	Saheeh International
55	2018	Al-Quran Tematik	Melayu	Telaga Biru Sdn Bhd
56	2018	Al-Quran Terjemahan Bahasa Mandarin	Mandarin	Yayasan Restu
57	2019	Tahfiz Junior	Melayu	Karya Bestari
58	2019	Tahfiz Mudah	Melayu	Karya Bestari
59	2019	The Easy Quran	Inggeris	Dakwah Corner
60	2019	Al-Quran Al-Karim ayat hukum	Melayu	Telaga Biru
61	2019	Smart Jazary	Melayu	BeAna Home Quran
62	2019	Terjemahan Al-Quran Tajwid dan Terjemahan serta Panduan Waqaf dan Ibtida'	Melayu	Adib Enterprise

(Sumber: Bahagian Penyelidikan JAKIM 2020)

Bilangan manuskrip terjemahan al-Quran mengikut tahun yang dihasilkan dapat ditunjukkan dalam carta berikut:


Carta 1: Bilangan Terjemahan al-Quran mengikut Tahun Permohonan (2013-2019)



Tahun-tahun yang menunjukkan permohonan yang tinggi adalah 2013, 2014 dan 2016 di mana jumlah manuskrip tahun 2014 paling tinggi iaitu sebanyak 24 buah sedangkan tahun 2015 dan 2017 berlaku penyusutan yang ketara. Meskipun begitu, jika diperhalusi karya terjemahan yang dikemukakan adalah sama dari segi kandungan tetapi berbeza dari sudut saiz. Contohnya, pada tahun 2014 ada dua saiz manuskrip *Al-Quran Terjemahan* oleh Wadi Cairo Sdn. Bhd., tiga saiz *Al-Quran dan Terjemahan Edisi Melayu* oleh Humaira Bookstore Enterprise serta dua saiz juga bagi *Al-Quran Tafsir Perkata Tajwid* oleh Maghfirah Pustaka (M) Sdn. Bhd.

Terdapat 25 buah penerbit yang bergiat dalam penerbitan terjemahan al-Quran. Penerbit-penerbit utama ialah Telaga Biru Sdn. Bhd, Humaira Publication Sdn. Bhd. dan Karya Bestari Sdn Bhd. Taburan jumlah terjemahan syarikat penerbitan ini berbanding penerbit-penerbit lain ditunjukkan dalam carta berikut:


Carta 2: Perbandingan jumlah permohonan antara penerbit-penerbit



3.2 Corak Terjemahan

Sebanyak 85% terjemahan yang dihasilkan adalah menggunakan bahasa Melayu dan 8 buah (13%) sahaja dalam Bahasa Inggeris antaranya, *English Translation of the Meaning of al-Quran*, *Al-Quran al-Muiz Terjemahan (English)*, *Miracle The Reference - Al-Quran Terjemahan Perkata*, *Al-Quran al-Karim Amazing* dan *The Quran English Meaning and Notes*. Ada sebuah karya terjemahan sahaja dalam bahasa mandarin. Taburan ini ditunjukkan dalam carta 3 di bawah:

Carta 3: Bahasa pengantar terjemahan al-Quran



Dari aspek yang lain, beberapa kategori variasi terjemahan al-Quran boleh didapati iaitu: saiz buku; judul dan elemen sisipan. Judul yang sama diterbitkan lebih dari satu saiz. Penjudulan pula adalah pelbagai tajuk berdasarkan elemen tambahan yang dimuatkan dalam terjemahan dan

ciri-ciri lain seperti warna bagi memenuhi kehendak sasaran pengguna dan tujuan penerbitan. Contohnya, *Al-Quran al-Karim Qordoba (khas untuk wanita)* dan *Al-Quran dan Terjemahan (Edisi Wanita)* disasarkan kepada golongan wanita, manakala *Al-Quran al-Karim Terjemahan Per ayat* dan *Terjemahan al-Quran al-Karim (al-Hadi Perkata)* ditujukan kepada pembaca yang ingin mempelajari bahasa Arab menerusi terjemahan al-Quran. Kajian Ramizah (2019) mendapati pelajar-pelajar sekolah dan universiti lebih gemar kepada terjemahan al-Quran bersaiz kecil dan ringan. Oleh itu, keperluan reka bentuk baharu, penjudulan, saiz dan warna pelbagai, dan elemen-elemen tambahan seperti hukum tajwid, makna per kata menjadi sebahagian strategi pemasaran produk.

3.3 Proses Kesahan Terjemahan al-Quran

Terdapat dua garis panduan yang boleh dirujuk secara langsung oleh penerbit dalam penterjemahan al-Quran, iaitu *Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam* (2015) bagi menilai kandungan manakala *Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith* (2018) bagi memastikan sumber pengambilan hadis dan teknik penulisan yang betul. Berdasarkan *Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam*, sepuluh kriteria berikut boleh dijadikan asas dalam penyediaan manuskrip, iaitu:

1. Tidak mengandungi perkara-perkara yang menyentuh kesuciaan Islam.
2. Tidak mempropagandakan akidah, hukum dan ajaran yang bercanggah dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
3. Tidak mempersendakan dan mempersoalkan kewibawaan sumber-sumber hukum Islam yang utama iaitu al-Quran, Sunnah, Ijmak dan Qias.
4. Tidak bercanggah dengan pegangan mazhab Ahli Sunnah Wal Jama'ah
5. Tidak bertentangan dengan fatwa atau pendapat jumhur ulama'
6. Tidak mengandungi unsur-unsur *Isra'iliyyat*, khurafat dan kebudayaan karut
7. Tidak menimbulkan keraguan dan kegelisahan awam
8. Tidak mengandungi penulisan ayat-ayat al-Quran dengan tulisan selain daripada bahasa Arab
9. Tidak menyalahi fakta-fakta sejarah
10. Tidak mengilustrasikan gambar-gambar para nabi, sahabat yang empat, malaikat serta memperwatakan gambar-gambar tersebut.

Selain dari itu, beberapa keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) juga berkaitan. Muzakarah ke-24 pada 5-6 Jun 1989 menyatakan pengharaman kaedah penulisan al-Quran dengan bukan huruf Arab atau bukan sistem tulisan al-Quran manakala muzakarah bilangan 110 pada 27-28 Mac 2017 melarang menulis dan membaca al-Quran tanpa teks al-Quran. Kaedah ini turut dinyatakan oleh Ervan (2016) bahawa terjemahan al-Quran perlu disertakan dengan teks asal. Ia dianggap sebagai suatu tafsiran atau ulasan kerana tujuan penterjemahan adalah menyediakan medium untuk memahami al-Quran dalam bahasa selain Arab. Terjemahan dalam bentuk menggantikan teks asal al-Quran tidak boleh diterima bahkan tidak boleh digunakan sebagai bacaan dan alternatif bagi al-Quran. Jawatankuasa Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam Kali ke-90 pada 12-14 September 2017 pula menetapkan, terjemahan al-Quran secara per kata adalah perlu disertakan tafsiran lengkap dengan merujuk *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran* (Adawiah 2019).

Sebelum dapat diterbitkan, syarikat penerbitan perlu mengemukakan manuskrip terjemahan al-Quran kepada JAKIM bagi mendapat perakuan tentang kesahan kandungan terjemahan dan Kementerian Dalam Negeri bagi mengesahkan nas al-Quran dan kelulusan menerbitkannya. Tugas menapis buku-buku dilaksanakan oleh JAKIM sejak tahun 1969. Dari segi operasi, Seksyen Kawalan Media, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan bertanggungjawab mengkaji, menapis dan menganalisa buku-buku berunsur Islam sama ada berbahasa Melayu, Arab dan Inggeris, yang diterbitkan dalam negara atau diimport dari luar negara termasuk juga majalah, akhbar, audio, visual, laman sesawang, filem, digital dan barang kegunaan umat Islam. Mereka menyediakan laporan dan perakuan kedudukan kandungan bahan-bahan berkenaan kepada Jawatankuasa Penapisan Bahan-bahan Penerbitan Berunsur Islam, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Malah seksyen ini juga bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia bagi memastikan bahan-bahan bacaan yang dibawa masuk dari luar negara tidak bercanggah dengan Islam. Kajian dilakukan bagi memastikan isi kandungannya bersih daripada sebarang unsur penyelewengan dan mengelirukan masyarakat Islam negara ini (Radihan 2011).

Bermula pada 2 Disember 2018 penapisan tafsir dan terjemahan al-Quran dilaksanakan oleh Cawangan Kajian al-Quran dan Hadith, satu unit baharu yang diwujudkan di Bahagian Penyelidikan JAKIM. Tugas ini adalah sejajar dengan keputusan Mesyuarat Pre-Council Majlis Raja-Raja pada 28 Julai 2009. Sekiranya perlu, JAKIM akan melantik panel penyemak yang dikenalpasti mahir dalam bidang tafsir dan penterjemahan al-Quran, kemudiannya akan meneliti hasil laporan yang disediakan oleh mereka. Satu laporan khas akan dikemukakan kepada KDN untuk proses kelulusan percetakan dan penerbitan (Adawiah 2019). Prosedur tapisan dan semakan terjemahan al-Quran ini adalah salah satu daripada kriteria tapisan dan kawalan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam bagi memastikan setiap terjemahan tidak menyeleweng dan mengelirukan masyarakat awam.

4. CABARAN DALAM PENTERJEMAHAN AL-QURAN

Sarjana Barat seperti Ana-Maria-Cristina Butnariu (2017) mengingatkan agar penterjemahan teks agama perlu dilaksanakan secara bijaksana dan *full sense* bagi mengelak sebarang kontroversi bahkan kadang-kadang perlu mengkaji teks secara mendalam bagi mengekalkan ciri-ciri asal dan menghasilkan terjemahan yang dipercayai. Hephzibah Israel (2019) mencadangkan agar dua aspek iaitu linguistik dan konseptual perlu diambil perhatian dalam menterjemahkan teks agama malah kedua-duanya perlu digunakan bersama kerana saling berkait dan tidak boleh dipisahkan.

Proses penterjemahan al-Quran tidak sama dengan penterjemahan teks lain atau teks agama lain. Al-Quran ialah wahyu Allah Taala yang diturunkan dalam Bahasa Arab yang memiliki ciri-ciri bahasa yang unik dan indah serta terjamin dari sebarang perubahan. Ia sangat signifikan dalam ibadat umat Islam serta berfungsi sebagai panduan kehidupan manusia. Oleh itu, penterjemahan al-Quran perlu dilakukan secara teliti dan berhati-hati jika tidak, ia menyebabkan perubahan semantik dan merosakkan makna sebenar yang dimaksudkan. Atas faktor inilah, al-Ak (1986) percaya bahawa kaedah penterjemahan al-Quran perlu mengambilkira prosedur yang dipiawaikan ke atas pentafsiran al-Quran yang bergantung kepada dua sumber primer iaitu riwayat *ma'thur* dan ijtihad. Proses penterjemahan juga bukan bergantung kepada isu penguasaan penterjemah dalam Bahasa Arab dan bahasa sasaran semata-mata tetapi merangkumi ilmu al-Quran dan ilmu-ilmu

lain yang berkaitan dengan pemahaman makna al-Quran seperti Ilmu Hadith, Usuluddin dan Usul Fiqh. Malah ia mempunyai kaitan dengan niat dan akhlak penterjemah. Penetapan kriteria sebegini bertujuan untuk mengelak risiko penyelewengan makna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di samping meminimalkan ketidak tepatan terjemahan.

Secara praktikal, masih banyak isu dalam penterjemahan al-Quran yang timbul dan menjadi cabaran kepada penterjemah dan pihak berkuasa. Antaranya:

- i) Ketidak tepatan terjemahan boleh berlaku kerana pemilihan perkataan dan makna tidak tepat, kecaciran yg disengajakan serta bersifat *bias* lebih-lebih lagi apabila dilakukan oleh orang yang tidak berautoriti (Iman Najim & M.Y Zulkifli 2012) atau penterjemah terlepas pandang dari mengambilkira aspek keterikatan dan sensitiviti budaya (*culture-bound and culture-sensitive*) serta keterikatan bahasa (*language-bound schemata*) lalu menggunakan kata yang lebih umum atau yang lebih tinggi disebabkan bahasa sasaran tidak berupaya memberikan kata yang sepadan (Abumahfouz & al-Shboul 2017)
- ii) Peraturan sosiolinguistik. Nasimah et. al (2017) menyarankan agar padanan kata terjemahan perlu mengambilkira kepatuhan kepada peraturan sosiolinguistik sesebuah masyarakat kerana ia kadang-kadang menjadi ukuran kepada kesantunan berbahasa. Oleh itu, dalam isu penterjemahan teks al-Quran ke bahasa Melayu, penterjemah mestilah arif tentang kedudukan, fungsi dan peranan sistem panggilan dalam budaya masyarakat Melayu supaya pembaca dapat memahami maksud ayat secara jelas.
- iii) Kepelbagaian kaedah dan teknik yang tidak konsisten. Badrul Hisham et.al. (2017) mencadangkan penggunaan metode dan pendekatan terjemahan yang pelbagai bagi menangani jurang leksikal antara kekayaan bahasa Arab dan keterbatasan bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, cara ini memberi implikasi ketepatan makna bagi sesuatu kata al-Quran, kecaciran makna atau kehilangan nilai estetik dan kemukjizatan pemilihan kata dalam al-Quran. Oleh kerana itu, kaedah terjemahan al-Quran yang disepakati oleh ulama ialah penterjemahan *tafsiriyyah*. Penterjemahan Quran secara *harfiyyah* menjadi punca kesalahan dalam penterjemahan makna kinayah dalam terjemahan Melayu (Nasimah 2017) bahkan pendekatan penterjemahan separa dalam menyebabkan kehilangan makna. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh perbendaharaan kata bahasa Arab yang tidak boleh diterjemahkan atau tidak boleh sepadan dengan terjemahan yang paling sesuai dalam bahasa Melayu (Bahrum & Haziyah 2014).
- iv) Penjelasan tambahan. Keperluan huraian makna tambahan sama ada disertakan dalam terjemahan al-Quran secara kurungan atau di nota kaki adalah subjektif namun ia digunakan secara meluas. Teknik editorial ini dicadangkan oleh al-Aqad et. al. (2019) untuk menghasilkan makna yang tepat bagi ayat-ayat al-Quran dan untuk menyampaikan tahap rasa kontekstual di dalam ayat itu.

Pengalaman penulis dalam menyemak terjemahan al-Quran menemukan beberapa isu antaranya, penterjemahan dibuat berdasarkan tujuan tertentu atau menggunakan kerangka teori penterjemahan umum justeru kaedah penterjemahan al-Quran yang digunakan adalah salah. Implikasinya, terjemahan makna tidak tepat, salah atau samar; memberikan terjemahan dengan kata yang tidak sepadan bagi istilah-istilah al-Quran dan agama. Selain itu sebahagian penterjemahan tidak mengambilkira perkaitan makna dalam konteks hukum *waqf* dan *ibtida'*

semasa meletakkan tanda baca seperti noktah, koma dan semi kolum pada teks terjemahan; tidak mentafsirkan ayat-ayat *mutasyabihat* mengikut pandangan Ahli al-Sunnah wal Jamaah (Asha'irah); mengabaikan laras bahasa al-Quran dan strukturnya seperti *taqdim ta'akhir*, unsur-unsur *balaghah* seperti *isti'arah*, *tasybih*, *kinayah*, *tamthil* dan lain-lain, serta penggunaan huruf-huruf seperti huruf *waw al-atf*, huruf *ziyadah* dan huruf *jar*. Selain itu, penterjemah menggunakan riwayat *tafsiriyyah* atau riwayat yang tidak sahih sebagai sebab penurunan ayat dan sebahagiannya juga merujuk sumber rujukan tafsir yang tidak sesuai dalam menghuraikan makna kalimah atau frasa atau ayat al-Quran.

5. KESIMPULAN

Keperluan masyarakat awam kepada terjemahan al-Quran dalam pelbagai bahasa tidak disangkal lagi bagi membolehkan mereka mengenal Islam dan al-Quran, memahami dan menghayati ajarannya. Terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu telah banyak di pasaran dengan tema yang hampir sama. Oleh itu, penerbit-penerbit wajar mempertimbangkan terjemahan al-Quran dalam bahasa-bahasa lain di negara ini selain bahasa Melayu seperti bahasa Mandarin, Tamil, bahasa orang Asal serta bahasa-bahasa suku kaum di Sabah dan Sarawak meskipun pasarannya adalah kecil. Di samping itu, maqasid penterjemahan adalah mengalih bahasa dan menyampaikan makna al-Quran justeru tumpuan penghasilan karya hendaklah difokuskan kepada perkara ini, manakala elemen-elemen sisipan wajar dielakkan atau tidak dimasukkan sekiranya ia tidak berhubung kait secara langsung dengan pemahaman makna ayat. Dalam rangka kerja menghasilkan karya terjemahan yang autentik, maka penterjemahan al-Quran wajar dilakukan secara berkumpulan atau sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar bidang; bahasa Arab, bahasa sasaran, Ulum al-Quran dan tafsir, Usuluddin serta Syariah. Hal ini bertujuan menampung syarat-syarat yang dikenakan ke atas penterjemah di samping meningkatkan ketepatan terjemahan. Selain itu, garis panduan penterjemahan al-Quran juga wajar diwujudkan sebagai rujukan pihak penerbit bagi meminimakan isu ketidak tepatan dalam penterjemahan.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian hasil kajian di bawah geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia GUP-2017-122 Pembinaan Garis Panduan Penterjemahan al-Quran ke bahasa Melayu.

RUJUKAN

Abumahfouz, Adnan & Al-Shboul, Yasser. (2017). The Translatability of Schemata in the Holy Quran: Seeing the Invisible. *Arab World English Journal for Translation & Literacy Studies*. 1 (3): 46-61. <http://dx.doi.org/10.24093/awejtls/vol1no3.4>

- Abobaker Ali, M. Alsaleh Brakhw, Munif Zariruddin Fikri Nordin, Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail. (2012). Some linguistic difficulties in translating the Holy Quran from Arabic into English. *International Journal of Social Science and Humanity*. 2(6): 588-590.
- Adawiah Lias. (2019). Senario Penterjemahan al-Quran dan Penulisan Hadis di Malaysia serta Kawalan JAKIM Terhadap Penyelewengan Makna. Syarahan Industri Fakulti Pengajian Islam- Cabaran Semasa dalam Penterjemahan al-Quran. 30 April 2019.
- al-Ak, Khalid ibn Abd al-Rahman. (1986). *Usul al-tafsir wa qawa'iduh*. Cet. 2. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Ana-Maria-Cristina Butnariu. (2017). Translating religious texts overcoming challenges. *Journal of Romanian Literary Studies*. 10:
- Al Aqad, Mohammed H., Ahmad Aridn Sapar, Mohamad Hussin, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Abd Hakim Mohad. (2019). The English translation of Arabic puns in the holy Quran. *Journal of Intercultural Communication Research*.
<https://doi.org/10.1080/17475759.2019.1609568>
- Badrul Hisyam et.al. (2017). Jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja pola af'ala dan fa'ala al-Quran ke Bahasa Melayu. 4(1): 242-252.
- Bahrum Faizan & Haziyah Hussin. (2014). Kaedah Terjemahan Nas al-Quran dalam *Tafsir Nur al-Ihsan*. *Islamiyyat*. 36(1): 33 – 40.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. (1995). *Al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ervan Nurtawab. (2016). Qur'anic translation in Malay, Javanese, and Sundanese, a commentary or substitution in the Qur'an. In *The Malay-Indonesian World Context and Interpretation*, ed. Majid Daneshgar, Peter G. Riddell and Andrew Rippin, 39-57. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Haziyah Hussin. (2016). The emergence of Qur'anic exegesis in Malaysia. In *The Malay-Indonesian World Context and Interpretation*, ed. Majid Daneshgar, Peter G. Riddell and Andrew Rippin, 137-174. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Hephzibah Israel. (2019). Translation and religion: crafting regimes of identity. *Religion*. 49(3): 323-342. <https://doi.org/10.1080/0048721X.2019.1635332>
- Hidayah House of Quran. (2020). Al-Quran dan Terjemahan. <http://www.hidayah.com.my/index.php/our-products/al-quran-terjemahan/results>. (akses pada 13 Januari 2020).
- Ismail Yusof. (1995). Perkembangan pengajian dan penulisan tafsir di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Iman Najim Abdul-Rahman Khalaf M.Y. Zulkifli. (2012). The Qur'an: Limits Of Translatability. *Quranica International Journal on Quranic Research*. 2 (1): 73-85
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam*. Putrajaya
- Karya Bestari. (2020). Al-Quran. <http://karyabestari.karangkraf.com/AlQuran> (akses pada 13 Januari 2020).

- Kementerian Dalam Negeri. (2018). *Garis Panduan Penulisan dan Penerbitan Teks Hadith*. Putrajaya: Bahagian Kawalan Penerbitan dan Kawalan Teks Al-Quran.
- Manna' al-Qattan. (1971). *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*. Riyad: Mansyurat al-'Asr al-Hadith.
- Mohd Shukri Hanapi & Zahri Hamat. (2002). Usaha menterjemah al-Quran dalam Bahasa Melayu: sejarah dan perkembangannya dlm. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Ke-2*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Shukri Hanapi. (2003). *Terjemahan Al-Quran dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Berhad
- Mohd Nizho Abdul Rahman & Mohd Shukri Hanapi. (2009). Usaha Menterjemah Al-Qur'an di Kepulauan Melayu: Satu Tinjauan Persejarahan. dlm Mustaffa Abdullah et. al. (ed). *Khazanah al-Qur'an dan al-Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: JAKIM, Universiti Malaya & MajlisAgama Islam Wilayah Persekutuan.
- Muhammad Nur Lubis Abd Razak. (1999). Penterjemahan al-Quran: Sejarah dan Permasalahannya. Tesis Ijazah Sarjana. Fakulti Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam.
- Radihan Saari. (2011). Tapisan Dan Kawalan Media Cetak Berunsur Islam Oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Suatu Pengamatan Awal. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 24 :27-42.
- Nasimah Abdullah. 2017. Inaccuracies in the Translation of the Quranic Metonymy into the Malay Language. *Global Journal Al-Thaqafah*. 7 (1): 117-132
- Nasimah Abdullah, Lubna Abd. Rahman, Norfazila Ab. Hamid & Murni Syakirah Musa. (2017). Terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu: tinjauan terhadap kata panggilan kekeluargaan. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 4 (1): 160-172.
- Telaga Biru. (2020). Koleksi al-Quran Telaga Biru Sdn. Bhd. <http://www.telagabiru.com.my/produk/alquran> (akses pada 13 Januari 2020).
- Wan Ramizah Hasan. (2019). *Sheikh Abdullah Basmeih Tokoh Tafsir Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.